

SPESIFIKASI PIAWAIAN DAN GRED KETOLA SEGI**Standard FAMA : FS021 – 2001****1. SKOP**

Spesifikasi piawaian dan gred ini akan meliputi Ketola Segi atau nama botaninya *Luffa acutangula* (L.) Roxb. yang dipasarkan.

2. DEFINASI TERMA

Bagi tujuan spesifikasi tersebut, terma-terma yang digunakan akan bermaksud:

- 2.1 *Kematangan* - Terdiri daripada tiga (3) indeks kematangan seperti berikut;
- 2.1.1 Indeks 1 – Belum matang. Kulit berwarna hijau cerah. Tekstur kulit agak licin. Agak lembut bila dipicit dan mudah dipatahkan. Bahagian segi masih rapuh dan mudah dipatahkan.
- 2.1.2 Indeks 2 – Matang. Kulit berwarna hijau tua keputihan. Tekstur kulit agak kasar dan menggerutu. Agak padat bila dipicit dan mudah dipatahkan. Bahagian segi masih rangup dan mudah dipatahkan. Bahagian isi menunjukkan struktur biji yang masih lembut.
- 2.1.3 Indeks 3 - Tua atau terlalu matang. Warna hijau tua keputihan hingga hijau kekuningan. Tekstur kulit kasar dan menggerutu. Padat dan agak keras bila dipicit serta tidak mudah dipatahkan. Seginya agak bersabut dan liat untuk dipatahkan. Bahagian isi berserat dan bijinya agak keras. Ketola Segi yang masak agak lembut dan lampung apabila dipicit.
- 2.2 *Kematangan seragam* - Konsainan yang mengandungi satu indeks kematangan.
- 2.3 *Segar* - Kulit Ketola Segi tersebut tidak kecut dan mudah dipatahkan.
- 2.4 *Kotor* – Ketola Segi yang terdapat kesan-kesan bendasing yang tidak dibersihkan seperti sarang serangga, tanah, cebisan daun mati, sisa-sisa racun perosak dan lain-lain bahan asing.
- 2.5 *Kecacatan* – Ketola Segi yang mempunyai tanda-tanda yang menjejaskan keseluruhan rupa termasuk kotor, cacat dan cacat rupa.
- 2.5.1 *Cacat* - Ketola Segi yang tidak sempurna bentuknya termasuk yang terlalu bengkok dan mengecil di hujung atau di tengah.
- 2.5.2 *Cacat rupa* - Kesan-kesan yang mencacatkan permukaan Ketola Segi seperti berkarat, parut dan nyahwarna yang tidak mendatangkan kesan

kepada bahagian isi. Kesan ini meliputi lebih 10% pada permukaan kulit.

- 2.6 *Rosak* – Sebarang kecederaan atau kerosakan disebabkan oleh serangga perosak, penyakit, kecederaan mekanikal pengendalian yang akan menjejaskan jangkahayat, keseluruhan rupa, pemakanan dan kualiti.

3. KEPERLUAN MINIMUM

- 3.1 Agak bebas daripada kecacatan dan rosak disebabkan kecederaan mekanikal, faktor semula jadi, serangga atau penyakit dan sesuai untuk dimakan oleh manusia.
- 3.2 Seginya masih baik dan mempunyai warna yang seragam.
- 3.3 Telah mencapai peringkat kematangan yang dikehendaki oleh pasaran.
- 3.4 Tangkai dipotong tidak melebihi 3.0 cm

4. PENGELASAN GRED DAN SAIZ

- 4.1 Ketola Segi dikelaskan kepada tiga (3) gred, bergantung kepada keadaan dan ciri-ciri gred seperti jadual berikut:-

Gred	Spesifikasi	Kelonggaran (Maksimum)
Premium	Ketola Segi dalam kelas ini mestilah daripada varieti yang sama, segar, bersih dan berbentuk lurus. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Kematangan ≤ 5% Segar ≤ 5% Rosak ≤ 5% Kecacatan ≤ 5% Keseragaman saiz ≤ 5%
1	Ketola Segi dalam kelas ini mestilah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah agak bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Kematangan ≤ 5% Segar ≤ 5% Rosak ≤ 5% Kecacatan ≤ 10% Keseragaman saiz ≤ 10%
2	Ketola Segi dalam kelas ini mestilah daripada varieti yang sama, segar dan bersih. Mempunyai saiz dan kematangan yang seragam. Ia juga mestilah agak bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Kematangan ≤ 10% Segar ≤ 10% Rosak ≤ 10% Kecacatan ≤ 10% Keseragaman saiz ≤ 10%

- 4.2 Bagi Ketola Segi, saiz ditentukan oleh berat dalam unit gram (g) dan panjang dalam unit sentimeter (cm) sepertimana jadual berikut;

Saiz	Kod	Berat (G)	Panjang (s)
Terlalu Besar	XL	> 400	> 50
Besar	L	301 – 400	41 – 50
Sedang	M	201 – 300	31 - 40
Kecil	S	< 200	< 30

5. PEMBUNGKUSAN DAN PELABELAN

5.1 Pembungkusan

5.1.1 Ketola Segi daripada gred yang sama hendaklah dibungkus menggunakan bekas yang sesuai supaya dapat memberi perlindungan yang optimum daripada kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.

5.1.2 Kertas atau bahan lain yang digunakan untuk membalut atau mengalas hendaklah bersih dan tidak akan menyebabkan kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.

5.1.3 Berat bersih yang dibenarkan bagi satu unit pembungkusan ialah tidak melebihi 30 kg.

5.2 Pelabelan.

Tiap-tiap unit pembungkusan hendaklah dilabel yang mengandungi maklumat berikut:

- 5.2.1 Tarikh:
- 5.2.2 Nama/Kod Penanam
- 5.2.3 Nama/Kod pengeksport
- 5.2.4 No. Kad Pengenalan
- 5.2.5 No. Pendaftaran syarikat
- 5.2.6 Alamat
- 5.2.7 Komoditi
- 5.2.8 Berat bersih
- 5.2.9 Gred

6. PERSAMPELAN

Bilangan sampel dan kaedah persampelan bagi tujuan pemeriksaan adalah berdasarkan kepada MS 1187 “Method of Sampling For Fresh Vegetables”, atau kaedah statistik yang dipersetujui.